

21 JAN 2003

BANK-IKS

BANK KOMERSIL DIMINTA SINGKATKAN MASA LULUS PINJAMAN UNTUK IKS

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Bank komersil, yang telah diminta menyediakan "jendela IKS", perlu mengurangkan kerenah birokrasi dalam mengendalikan pinjaman industri kecil dan sederhana (IKS) supaya dana itu dapat dimanfaatkan segera untuk menjana kegiatan ekonomi negara.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata bank perlu memastikan masa-ke-pasaran yang singkat supaya dana dapat disalurkan kepada peniaga kecil untuk kegiatan ekonomi negara.

Beliau berkata IKS yang merupakan sebahagian daripada sektor swasta diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke hadapan.

Beliau berkata kelulusan pinjaman yang mengambil masa sehingga 12 bulan akan menjejaskan usaha untuk menjana kegiatan ekonomi.

"Apa gunanya kalau mohon (pinjaman) hari ini, 12 bulan lagi baru lulus. Kita mahu bank percepatkan proses pinjaman IKS," katanya di majlis mesyuarat agung tahunan Persatuan Pengilang-Pengilang Bumiputera Malaysia dan juga untuk meraikan beliau sebagai Menteri Kewangan Kedua hari ini.

Jamaludin yang senada dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta bank untuk memberikan layanan yang saksama antara peminjam "besar" dengan peminjam kecil.

Sehubungan itu, Jamaludin berkata Bank Negara Malaysia telah diminta untuk mengawasi bank komersil supaya dapat menyalurkan pinjaman kepada peniaga kecil dan menyediakan kuota pinjaman khusus untuk IKS.

Beliau berkata bank komersil perlu menghantar laporan bulanan kepada Bank Negara mengenai prestasri pinjaman mereka kepada IKS.

"Kita telah nyatakan, seelok-eloknya tidak melebihi 12 bulan (luluskan pinjaman). Kita biarkan Bank Negara untuk awasi perkara ini. Mereka pasti tahu bagaimana caranya," katanya.--BERNAMA

LES AA